

25/03/2002

Pas pula terus berdalih

KETIKA dunia terus mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam untuk diteladani oleh negara Islam lain - terbaru oleh imam sebuah masjid di Gdansk, Poland - Pas pula mempersendakan negara ini kononnya 'negara Islam segera'. Perisytiharan Malaysia sebagai negara Islam dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada akhir September lalu sebagai menyusuli keputusan Muzakarah Daulah Islamiah yang dihadiri 70 alim ulama, ahli akademik dan aktivis Islam di Kuala Lumpur sebulan sebelumnya. Ia berlandaskan perkembangan di Malaysia yang diakui termasuk dalam takrif lingkungan negara Islam yang diberikan oleh keempat-empat mazhab dalam sunnah wal jamaah. Cuma Pas yang terus melihatnya berbeza.

Persoalannya, jika negara Islam lain dan alim ulama secara bermuzakarah mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam, adakah pandangan Pas memberi apa-apa perbezaan, seolah-olah perakuannya saja yang boleh mengesahkan sesebuah negara itu negara Islam atau sekular? Malaysia tidak pun memerlukan pengiktirafan Pas yang kerap mengemukakan pandangan sempit mereka mengenai Islam, terutama perkara yang memihak kepadanya saja. Bagaimanapun, jika Pas benar-benar ikhlas dan jujur demi kepentingan ummah dan agama, mereka perlu turut mengakui bahawa Malaysia sebenarnya sebuah negara Islam tanpa menunggu parti itu berkuasa untuk melaksanakannya. Jika tidak, Pas perlu memperincikan secara khusus ciri-ciri negara Islam yang mereka cita-citakan dan belum tentu ia mendapat pengiktirafan sebagaimana sekarang.

(END)